

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

BINAAN PASANG SIAP DIGEMARI

JOHOR BAHRU, Jumaat — Bangunan pasang siap semakin mendapat tempat di bidang binaan di negara ini dan dijangka kerana banyak bangunan masa depan akan menggunakan bahan binaan pasang siap.

Ini berlaku kerana harganya lebih murah berbanding dengan harga bahan-bahan binaan yang biasa digunakan seperti batu bata.

Harga bahan ini murah kerana diperbuat dari bahan-bahan yang tidak dipukul seperti potong-potongan kayu dan pokok kelapa sawit.

Bahan ini dicampur dengan bahan kimia sehingga menjadi keras diberinama *textolite*, sesuai menggantikan

batu bata, demikian kata Pengarah Urusan Syarikat *Textolite Prefab System Sdn. Bhd.*, Encik Zainal Osman hari ini.

Textolite ini bukan sahaja boleh menggantikan batu bata tetapi telah diuji ia tahan lama sekurang-kurangnya 20 tahun, tidak dimakan anai-anai, menyerap udara sejuk dan tidak ditembusi bunyi.

Tiga bulan

Menurut Encik Zainal, satu lagi keistimewaan bangunan pasang siap ini yang menggunakan bahan *textolite* ialah cepat siap, mengambil suku masa pembinaan bangunan menggunakan batu bata atau cara lama.

Sebagai contoh, ka-

tanya, syarikatnya berjaya menyiapkan Kem Latihan Kemahiran Kobena di Johor Bahru dalam masa tiga bulan sahaja, yang mengan-dungi lapan buah rumah banglo, bangunan kakitangan, kantin, Dewan besar, pentadbiran, bilik kuliah dan asrama.

Pembinaan semua bangunan dalam kem ini hanya menelan belanja \$1.2 juta. Kem ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok.

Encik Zainal berkata, syarikatnya kini telah memperolehi beberapa tawaran dari Kementerian Pertahanan dan Kerajaan Johor untuk membina bangunan dan rumah-rumah pasang siap.